

16/01/2004

GP Joran dipilih 10 acara terbaik 2003

KUALA LUMPUR: Pertandingan memancing GP Joran anjuran Berita Harian disenaraikan sebagai 10 Acara Sukan Pelancongan Terbaik 2003 dengan menerima anugerah pada Majlis Pengiktirafan Acara-acara Sukan Pelancongan Terpilih Malaysia 2003 daripada Majlis Sukan Pelancongan Malaysia (MSPM).

Anugerah itu adalah yang julung kali diadakan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Kementerian Belia dan Sukan, bertujuan memartabatkan industri sukan pelancongan dan memberi pengiktirafan kepada penganjurnya yang mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Pengarang Joran/Projek Berita Harian, Kamal Ahmad, menerima anugerah itu daripada Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Talaat Husain yang mewakili Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, pada majlis yang diadakan di sebuah hotel di Seri Kembangan di sini, malam tadi.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Sains dan Teknologi dan Pembangunan Organisasi Selangor, Datuk Ir Lum Weng Keong dan Presiden Majlis Sukan Pelancongan Malaysia, Ahmad Kamil Mohamed.

Sebanyak 20 acara sukan pelancongan terpilih menerima anugerah berkenaan.

Turut disenaraikan sebagai 10 Acara Sukan Pelancongan Terbaik 2003 ialah Penang International Bridge Run anjuran The New Straits Times Press (M) Bhd; Desaru International Long Distance Triathlon (Desaru Development Corporation Sdn Bhd); Mount Kinabalu International Climbathon (Sabah Tourism Board); Formula 1 Powerboat World Championship Malaysian Grand Prix 2003 (H2O Sports Sdn Bhd); Ironman Langkawi Malaysia Triathlon (Liem Sdn Bhd); Petronas Malaysian Grand Prix (Sepang International Circuit Sdn Bhd); Rainforest Challenge (Motorsports Adventure Sdn Bhd); Raja Muda International Regatta (Royal Selangor Yacht Club) dan Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi, dianjurkan oleh First Cartel Sdn Bhd.

Pada majlis sama, MSPM turut menyerahkan tiga anugerah khas iaitu Anugerah Pencapaian Presiden kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, kerana sumbangan beliau memajukan negara ketika menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Datuk Bandar Kuala Lumpur pula menerima anugerah Bandaraya Sukan Pelancongan Bertaraf Dunia 2003 manakala Menteri Besar Selangor menerima anugerah Negeri Sukan Pelancongan Malaysia 2003.

Berita Harian Sdn Bhd melalui Unit Joran, menganjurkan siri pertandingan memancing GP Joran sejak 1997.

Antara lima hingga tujuh siri pertandingan membabitkan lokasi di negeri terpilih dianjurkan setiap tahun. Setiap siri menawarkan hadiah wang tunai kira-kira RM30,000 selain RM30,000 dalam bentuk barangan manakala juara keseluruhan tahunan bagi Kategori Laut Dalam dan Kategori Pantai menerima sebuah kereta.

Setiap siri GP Joran disertai antara 1,600 hingga 2,500 pemancing dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak selain peserta negara jiran iaitu Singapura, Indonesia, Thailand serta Brunei. Acara itu juga disertai pemancing dari Amerika Syarikat, Filipina, Jerman dan Jepun.

GP Joran dikaitkan dengan sukan pelancongan paling popular kerana acara itu mencetuskan pelbagai kegiatan ekonomi khususnya membabitkan penyewaan bilik hotel, resort dan chalet selain menggalakkan perniagaan runcit dan perkhidmatan di setiap lokasi.

Pertandingan dua hari itu secara purata menarik kunjungan antara 10,000 hingga 40,000 orang daripada kalangan keluarga peserta dan penduduk tempatan bagi menyaksikan pelbagai acara sampingan.

Sementara itu, Kamal menyifatkan, anugerah itu adalah penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kepada Berita Harian khususnya anggota Team Joran yang bertungkus-lumus menganjurkan GP Joran sejak 1997.

"Pengiktirafan ini akan menaikkan lagi semangat kami menjayakan lebih banyak pertandingan memancing selepas ini termasuk siri pertandingan bertaraf antarabangsa di perairan Langkawi dan Thailand.

"Semua ini hasil kerjasama kerajaan negeri yang menjadi tuan rumah dan agensinya di peringkat daerah selain keupayaan Team Joran yang melaksanakan acara ini secara profesional, bersungguh-sungguh serta sokongan pemancing sendiri.

"GP Joran berjaya meletakkan sukan memancing di negara ini pada status lebih berprestij dan popular selain memberi impak kepada sosio ekonomi," katanya.